

03 DEC 2002
Howard-Reaksi
LAGI KECAM HOWARD

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard mengenai kesediaan negara itu menyerang pengganas di beberapa negara di Asia Tenggara dalam usaha mengangani keganasan, terus mendapat kecaman dan bantahan pelbagai pertubuhan dan kesatuan di negara ini.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak berkata Howard tidak mempunyai hak automatik untuk melakukan serangan terhadap negara jirannya atas alasan memerangi keganasan.

"Kami menganggap ia sebagai pernyataan angkuh Howard, mempersendakan kedaulatan negara dan melanggar undang-undang antarabangsa.

"Kami mahu beliau menghentikan kecaman terhadap negara-negara Asia kerana ia hanya mempamerkan tahap prejudisnya terhadap negara Asia" katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Zainal berkata tindakan seumpama itu boleh dianggap sebagai pencerobohan dan Australia sewajarnya bersedia untuk menanggung akibat tindakan itu.

Beliau berkata kerajaan Malaysia mempunyai jentera dan mekanisme penguatkuasaan untuk menyiasat dan menangkap pengganas.

Howard mencetuskan kemarahan negara-negara Asean ekoran kenyataannya pada Ahad lepas untuk tidak teragak-agak menyerang mana-mana negara jiran yang dijadikan pangkalan pengganas.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan menganggap Australia melancarkan perang terhadapnya jika negara itu mengambil tindakan menceroboh negara ini tanpa kebenaran.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Abdul Rahman Manan pula berkata cadangan Australia supaya Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dipinda bagi membenarkan sesebuah negara bertindak lebih awal terhadap pengganas di negara lain, sebagai keterlaluan.

Katanya setiap negara mempunyai undang-undang sendiri dalam membanteras pengganas seperti Malaysia yang mengambil tindakan awal dengan berkesan dan diakui negara lain termasuk Amerika Syarikat.

Beliau percaya seluruh kakitangan awam dan rakyat Malaysia akan bersama kerajaan mempertahankan kedaulatan negara jika kenyataan Howard itu dilaksanakan.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye berkata tindakan Australia itu sekiranya menjadi kenyataan, boleh disifatkan sebagai campur tangan dalam menangani keganasan yang sepatutnya ditangani sendiri negara terbabit tanpa campur tangan negara asing.

Rakyat Malaysia harus membantah cadangan Australia itu yang jelas merupakan campur tangan dalam hal ehwal negara ini, katanya.

Sementara itu, Presiden Teras Pengupayaan Melayu (Teras) Mohamad Azmi Abdul Hamid menggesa kerajaan dan semua negara Asean lain menggantung hubungan diplomatik dengan Australia.

Katanya kecaman pelbagai pihak terhadap Howard tidak membawa banyak kesan terhadap pemimpin negara itu.

Beliau juga menggesa kerajaan memanggil pulang Duta Malaysia di negara itu bagi mendorong negara Asean lain menekan Howard supaya meminta maaf dan menarik semula kenyataannya.

Teras juga mendesak semua negara Asean membuat pendirian bersama menolak kenyataan itu dan memberi amaran kepada Australia supaya tidak memeralatkan PBB untuk bertindak terhadap mana-mana negara, katanya.

-- BERNAMA
RZS RZS LAT